

# **POLISI PENERBITAN DAN INSENTIF PENERBITAN UTM**

**POLISI**

: Penerbitan dan Insentif

**NOMBOR POLISI**

Penerbitan UTM

**DILULUSKAN OLEH**

: UTM P.A

**TARIKH KUATKUASA**

: Senat UTM Bil.11 2013/2014

**SEMAKAN TERAKHIR**

: 1 Ogos 2014

**PUSAT TANGGUNGJAWAB**

: 1 Ogos 2014

**PEGAWAI**

: Perpustakaan UTM

: Puan Siti Zaleha Atan

: En. Razib Karno

## **SEKSYEN 1 – PENGENALAN**

### **1.1 TUJUAN**

Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur, kepakaran pengurusan, ahli akademik dan penyelidik yang berpengalaman serta mempunyai persekitaran kondusif yang akan mendorong pengkayaan ilmu dan budaya inovasi yang mampu mencetuskan idea kreatif dan penemuan baru untuk memenuhi tuntutan pengurusan berkaitan penerbitan yang bertaraf dunia.

### **1.2 SKOP**

Polisi ini memberikan garispanduan untuk penulis artikel, pengarang utama, pengarang bertangungjawab, penyelidik dan staf akademik UTM. Beberapa buah PTJ telah dikenalpasti untuk mengurus tadbir hal-hal berkaitan penerbitan seperti Perpustakaan UTM (PUTM), Penerbit UTM dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

### **1.3 DEFINISI**

<b>Perkataan/Istilah</b>	<b>Definisi</b>
RADIS	Research And Development Information System
UTMFin	UTM Financial System
UPPP	Unit Pengurusan Penerbitan Penyelidikan
BSP	Bahagian Sokongan Penyelidikan
KPI	Key Performance Index
CoE	Centre of Excellence
RA	Research Alliance
WoS	Web of Science
e-LPPT	Laporan Penilaian Prestasi Tahunan
SPS	Sekolah Pengajian Siswazah
HCD	Human Capital Development
HCM	Human Capital Management

## **SEKSYEN 2 – POLISI**

### **2.1 PRINSIP**

Universiti Teknologi Malaysia komited dalam meningkatkan kesedaran mengenai keseragaman penerbitan ilmiah, keupayaan menerbitkan ilmu yang unggul, memperkasa organisasi kearah budaya ilmu peringkat tinggi, penghasilan penerbitan tulen tanpa plagiat atau pemalsuan di kalangan pensyarah, penyelidik dan pelajar di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

### **2.2 POLISI**

Polisi ini juga dapat dijadikan sebagai garis panduan bagi membantu menggalakkan budaya ilmu yang berteraskan ketulenan dan mampu berdaya saing di peringkat global.

- 2.2.1 Setiap penerbitan daripada staf UTM (termasuk Cuti Belajar, Staf Antarabangsa, Latihan Industri, Sabatikal, Pasca Kedoktoran, staf yang dipinjamkan) wajib mempunyai afiliasi sekurang-kurangnya ‘UniversitiTeknologi Malaysia’ (nama rasmi).
- 2.2.2 Setiap staf akademik UTM wajib menjadi penulis utama (corresponding author) bagi setiap penerbitan pelajar/Pasca Kedoktoran UTM di bawah penyeliannya.
- 2.2.3 Setiap penerbitan oleh staf UTM wajib meletakkan sumber penajaan geran penyelidikan secara jelas, jika berkaitan
- 2.2.4 Pengukuran pencapaian KPI penerbitan individu, RA dan COE adalah berpandukan kepada data RADIS sahaja
- 2.2.5 Penulis utama (corresponding author) akan diberikan markah penuh manakala penulis bersama akan mendapat separuh markah
- 2.2.6 UTM hanya mengiktiraf indeks penerbitan jurnal berindeks di dalam Indeks Universiti Penyelidikan (Scopus, ISI, ERA, SSC, SCI)

- 2.2.7 Semakan dan pengesahan penerbitan menggunakan quartile semasa sebagai dasar pembayaran insentif bagi penerbitan UTM yang diindeks di Web Of Science. Jika artikel mempunyai disiplin kategori quartile berbeza, quartile yang tertinggi akan dipilih.
- 2.2.8 Jenis-jenis penerbitan yang layak mendapat pembayaran insentif adalah:

Bil.	Jenis Penerbitan	Insentif
i.	Quartile 1	RM 3000.00
ii.	Quartile 2	RM 1500.00
iii.	Quartile 3	RM 500.00
iv.	Quartile 4	RM 300.00
v.	Scopus (Jurnal) atau Web Of Knowledge	RM 150.00

- 2.2.9 Jenis-jenis penerbitan yang tidak layak mendapat pembayaran insentif adalah:

i.	Non-Indexed (Jurnal)
ii.	Scopus Indexed Proceedings

- 2.2.10 Semua pembayaran insentif tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Universiti
- 2.2.11 Pembayaran insentif penerbitan untuk petikan (citation) ditamatkan bermula dari permohonan tahun 2014
- 2.2.12 Caj Pemprosesan Artikel (Article Processing Charge) yang dikenakan oleh Jurnal Akses Terbuka (Open Access Journals) bagi jurnal berindeks di dalam ERA, SCOPUS dan ISI WoS akan dibayar melalui dana geran penyelidikan (B29000) yang diketuai oleh mana-mana penulis.

2.2.13 Had bayaran yang dibenarkan untuk Caj Pemproses Artikel adalah terhad kepada jurnal yang mempunyai IF sepertidi dalam quartile di bawah :

Bil.	Jenis Penerbitan	Had Bayaran
i.	Quartile 1	RM 5,000.00
ii.	Quartile 2	RM 2,500.00
iii.	Quartile 3	RM 1,000.00
iv.	Quartile 4	RM 1,000.00
v.	Scopus Jurnal	RM 1,000.00

2.2.14 Implikasi kepada staf akademik :

- i. Penyelarasan proses berkaitan prestasi penerbitan: Staf mempunyai satu sahaja mekanisma pelaporan prestasi penerbitan yang telah disahkan secara berkala dan berjadual. Ini akan memudahkan proses penelitian maklumat dan menghapuskan keperluan pegesahan oleh pegawai penilai dan mengelakkan pengesahan pukal yang mengundang kesilapan.
- ii. Meningkatkan daya saing antara staf akademik untuk menghasilkan penerbitan yang berkualiti tinggi. Penambahan insentif dapat menggalakkan persaingan antara para staf akademik untuk lebih berusaha menerbitkan penyelidikan mereka di jurnal yang lebih berimpak tinggi.
- iii. Peningkatan kepada penerbitan yang semakin berkualiti ini membolehkan muat turun penerbitan, citation, factor impak, h-Index dan lain-lain akan turut meningkat dan sekaligus menaikkan nama staf akademik dan juga Universiti khasnya.

- iv. Meningkatkan reputasi dan kepercayaan daripada masyarakat antarabangsa terhadap Staf akademik UTM. Bila mana jenama UTM dilihat bertambah berkualiti dengan adanya keseragaman dan penambahan kepada penerbitan yang berimpak tinggi berjaya dihasilkan geran penyelidikan dari luar akan lebih mudah untuk diperoleh.
- v. Kekuatan budaya inovasi boleh diwujudkan dengan adanya persaingan sebegini. Inovasi baru akan bercambah di atas persaingan untuk menghasilkan satu penyelidikan yang lebih berkualiti dengan itu ianya akan menjadi budaya baru yang sangat baik di kalangan staf akademik.

### **SEKSYEN 3 – PROSEDUR**

<b>Langkah / Prosedur</b>		<b>Tanggungjawab</b>
<b>1.0</b>	<b>Penerbitan UTM</b>	
1.1	<b>Tanggungjawab Penulis</b>	
1.1.1	Setiap penerbitan staf UTM <b>wajib</b> direkodkan di dalam RADIS oleh penulis utama ( <i>corresponding author/ first UTM author</i> ) <b>dalam tempoh 60 hari</b> dari tarikh diterbitkan (mempunyai <i>Volume, Issue dan Page number</i> ).	Penulis/ Penyelidik/ Staf Akademik/ Pelajar
1.1.2	Maklumat penerbitan yang <b>tidak dimuatnaik kedalam RADIS dalam tempoh 60 hari selepas diterbitkan tidak boleh digunakan untuk membuat tuntutan insentif.</b>	

	1.1.3	Kesemua <b>pengesahan penerbitan</b> UTM dilakukan oleh Perpustakaan UTM dalam masa <b>14 hari</b> . E-LPPT hanya akan menggunakan data yang disalurkan sistem RADIS sahaja													
<b>2.0</b>	<b>Tanggungjawab Pentadbir</b>														
2.1	<b>Perpustakaan UTM</b>														
	2.1.1	Penyediaan dan pengesahan data penerbitan untuk keperluan semasa Universiti Penyelidikan, MyMOHES, CAPS dan lain-lain keperluan UTM	Pustakawan/ Pegawai Penyelidik												
	2.1.2	Menyediakan pengesahan data penerbitan melalui RADIS untuk SPS,HCD dan HCM													
	2.1.3	Pengesahan data penerbitan untuk tujuan e-LPPT setiap tahun.													
	2.1.4	Membayar tuntutan insentif <i>quartile</i> dan <i>indexed journal</i> kepada pemohon													
	2.1.5	Penetapan pembayaran insentif kepada penulis adalah melalui kaedah sebagaimana di bawah iaitu;													
		<table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Quartile</b></th><th><b>Jumlah (RM)</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Quartile 1</td><td>RM 3000.00</td></tr> <tr> <td>Quartile 2</td><td>RM 1500.00</td></tr> <tr> <td>Quartile 3</td><td>RM 500.00</td></tr> <tr> <td>Quartile 4</td><td>RM 300.00</td></tr> <tr> <td>Scopus</td><td>RM 150.00</td></tr> </tbody> </table>	<b>Quartile</b>	<b>Jumlah (RM)</b>	Quartile 1	RM 3000.00	Quartile 2	RM 1500.00	Quartile 3	RM 500.00	Quartile 4	RM 300.00	Scopus	RM 150.00	
<b>Quartile</b>	<b>Jumlah (RM)</b>														
Quartile 1	RM 3000.00														
Quartile 2	RM 1500.00														
Quartile 3	RM 500.00														
Quartile 4	RM 300.00														
Scopus	RM 150.00														

### **3.1 KERANGKA TUGAS PENTADBIR**

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) berperanan sebagai perantara dan pentadbir utama dalam pengurusan penerbitan ilmiah di UTM. Pusat Pengurusan Penyelidikan ini akan menyediakan langkah-langkah awal unjuran bajet kewangan untuk insentif penerbitan, pewartaan polisi penerbitan, gerak kerja pemakluman kepada penulis dan pentadbir yang lain, memperkasa penerbitan ke arah keperluan Universiti dan Kementerian Pengajian Malaysia (KPM). Kerjasama penuh bersama pihak Perpustakaan UTM dan pentadbiran pengurusan Universiti adalah sebagai sebuah organisasi yang saling berkaitan dalam meningkatkan hasil kualiti penerbitan Universiti dan bukan untuk keuntungan penerbitan akademik tersebut. Kerjasama eksklusif ini adalah bagi membolehkan pengurusan berpusat dan cekap dapat dilaksanakan bagi sebarang bentuk perubahan atau keperluan dari pihak KPM Malaysia. Pentadbir atau organisasi yang terlibat dalam pengurusan penerbitan UTM termasuk pengumpulan data, pembayaran insentif, pengesahan penerbitan, memenuhi keperluan Universiti dan KPT adalah seperti;

#### **3.1.1 Perpustakaan UTM**

- 3.1.1.1 Merupakan pelaksana kepada proses kerja yang di selaraskan oleh pihak RMC iaitu menguruskan, mengesahkan dan meluluskan permohonan dari pemohon insentif penerbitan. Selain daripada itu, Perpustakaan UTM juga bertanggungjawab keatas :
- i. Semua data penerbitan dan bertindak sebagai data guardian kepadas emua bahan penerbitan di UTM kecuali Book Chapter.
  - ii. Penyediaan dan pengesahan data penerbitan untuk keperluan semasa Universiti Penyelidikan, MyMOHES, CAPS dan lain-lain keperluan UTM.

- iii. Menyediakan pengesahan data penerbitan melalui RADIS untuk SPS,HCD dan HCM.
  - iv. Pengesahan data penerbitan untuk tujuan e-LPPT setiap tahun.
  - v. Membayar tuntutan insentif quartile dan indexed journal kepada pemohon.
- 3.1.1.2 Penetapan pembayaran insentif kepada penulis adalah melalui kaedah sebagaimana di bawah iaitu;
- i. Semakan dan pengesahan penerbitan menggunakan quartile semasa sebagai dasar pembayaran insentif bagi penerbitan UTM yang diindeks di Web Of Science. Jika artikel mempunyai disiplin kategori quartile berbeza, quartile yang tertinggi akan dipilih.
- | Quartile   | Jumlah (RM) |
|------------|-------------|
| Quartile 1 | RM 3000.00  |
| Quartile 2 | RM 1500.00  |
| Quartile 3 | RM 500.00   |
| Quartile 4 | RM 300.00   |
- ii. Jenis-jenis penerbitan yang layak mendapat pembayaran insentif adalah:
- |    |                            |
|----|----------------------------|
| a. | Non-Indexed (Jurnal)       |
| b. | Scopus Indexed Proceedings |
- iii. Pembayaran insentif penerbitan untuk petikan (citation) ditamatkan bermula dari permohonan tahun 2014.

### **3.1.2 Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)**

Merupakan PTJ bertanggungjawab dalam pengurusan operasi bagi keseluruhan pelaksanaan permohonan insentif penerbitan dan penganjuran bengkel penggalakan Penerbitan di UTM. Organisasi ini bertanggungjawab dalam perkara seperti:

- i. Mengadakan bengkel dan latihan penggalakkan penulisan jurnal
- ii. Memantau dan mengumpulkan pencapaian data penerbitan berkaitan keperluan Universiti Penyelidikan, MyMOHES, CAPS dan lain-lain.
- iii. Membantu menyelaras jemputan lantikan penulis-penulis luar melalui skim professor penulis pelawat sebagai fasilitator/penceramah bengkel penulisan jurnal.
- iv. Penyediaan wajaran penerbitan e-LPPT tahunan
- v. Penyediaan KPI penerbitan untuk staf, RA, CoE dan SPS.
- vi. Penstrukturkan semula bajet kewangan, insentif dan sistem atas talian RADIS mengikut keperluan semasa.
- vii. Membangunkan keperluan teknologi maklumat untuk pengumpulan data melalui modul penerbitan di dalam sistem RADIS sedia ada.
- viii. Bertanggungjawab keatas penambahbaikan kepada sistem RADIS yang diurus tadbir oleh Unit Teknologi Maklumat, RMC.
- ix. Mengurus perkara teknikal berkaitan aplikasi atas talian RADIS
- x. Menguruskan permohonan pembayaran Caj Pemprosesan Artikel (*Article Open Charge*)
- xi. Penambahan medan baru bagi setiap perubahan pada polisi insentif penerbitan (*Quartile*).
- xii. Membantu dalam proses pengumpulan data penerbitan
- xiii. Merangka dan merancang perubahan dasar dan polisi penerbitan

### **3.1.3 Pusat Teknologi Maklumat UTM**

Pusat pentadbiran yang menyokong urusan teknikal dan penyaluran data penerbitan kesistem eLPPT.

- i. Menyediakan kemudahan ruang storan dan sokongan hayat bagi data Penerbitan

## **SEKSYEN 4 – GOVERNANCE**

### **4.1 TANGGUNGJAWAB**

<b>Pengurus Polisi</b>	i. Ketua Pustakawan ii. Pustakawan Kanan, Unit Pengurusan Penerbitan dan Penyelidikan Bahagian Sokongan Penyelidikan
------------------------	---

### **4.2 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN**

<b>Nombor Versi</b>	<b>Tarikh diluluskan</b>	<b>Diluluskan oleh</b>	<b>Pindaan</b>
Baru	9 Julai 2014	Senat UTM	